

# Kawasan lapang jadi pusat sisa buangan industri

## Penduduk kuaratir bahan toksik berbahaya, undang biak Aedes

**S**ERI KEMBANGAN: Sebuah kawasan lapang berdekatan pusat beli-belah di sini dijadikan lokasi melupuskan sisa buangan kilang termasuk bahan yang dipercayai berbahaya khususnya jika ada pihak yang membakarnya.

Keadaan itu membimbangkan penduduk kerana kuaratir sisa buangan industri itu mengandungi toksid, jika ada pihak yang membuat pembakaran terbuka.

Penduduk mendakwa, kawasan lapang berkenaan yang tidak diketahui pemiliknya dijadikan lokasi melonggok sisa buangan industri sejak beberapa bulan lalu, selain menjadi pusat longgokan sampah lain seperti sisa binaan, kayu dan peralatan perabot.

Selain kemungkinan bahan buangan itu bertoksik, penduduk juga kuaratir ia boleh menjadi lokasi pembiakan nyamuk Aedes yang menyebabkan denggi.

Justeru, penduduk berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menyasat bahan buangan itu dan mengesan pemiliknya yang melakukan kegiatan tidak bertanggungjawab itu.

Seorang penduduk, Fadhil Jusoh, 36, berkata keadaan kawasan lapang berkenaan yang tersorok dan agak jauh



**SISA** buangan kilang yang dilonggokkan di sebuah kawasan lapang berhampiran sebuah pasar raya di Seri Kembangan.

daripada laluan orang ramai menjadikan pihak terbabit dengan mudah melonggokkan sisa buangan industri tanpa dikesan Majlis

Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Katanya, pihak terbabit seharusnya prihatin dengan tidak membuang sisa indus-

tri sesuka hati kerana ia boleh mencemarkan alam sekitar selain menimbulkan masalah lain kepada penduduk sekitar.

"Kami berharap pihak berkuasa menyasat siapa pemilik industri berkenaan kerana mungkin mereka tidak tahu kontraktor pembuangan sampah melakukan perbuatan ini," katanya.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Vellu, 43, berkata kawasan berkenaan sudah lama dijadikan lokasi membuang sampah tetapi penduduk tidak mampu berbuat apa-apa.

Penduduk takut untuk campur tangan dan bimbang keselamatan terancam jika membuat sebarang laporan mengenai tindakan itu, tambahan pula lokasi berkenaan mungkin kawasan pendirian.

"Bagaimanapun, tempat itu tetap tidak boleh dijadikan lokasi melonggok sampah sesuka hati tanpa kebenaran PBT," katanya.

Beliau berkata, kawasan berkenaan juga tidak dijaga menyebabkan sesiapa saja boleh melonggokkan sampah di situ.